

21/05/2002

Meritokrasi perlu masa perlihatkan kejayaan

KETIKA ura-ura pelaksanaan sistem meritokrasi dalam bidang pendidikan terutama kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) akan dijalankan di negara ini, banyak pihak memberi sokongan penuh kerana ia dianggap lebih adil dalam negara berbilang kaum. Mereka berpendapat sistem kuota mengikut kaum yang memberi peruntukan 55 peratus bagi pelajar Bumiputera dan 45 peratus untuk bukan Bumiputera, mempunyai unsur diskriminasi dan tidak sesuai lagi dilaksanakan di negara ini. Mereka mahu supaya kemasukan ke IPTA berasaskan pencapaian akademik.

Namun, bagi Bumiputera, cadangan pelaksanaan sistem merit itu membimbangkan mereka kerana kurang yakin dapat menyaingi pencapaian kaum lain selepas melihat ramai pelajar bukan Melayu lulus lebih cemerlang dalam peperiksaan.

Bersandarkan hakikat setiap orang perlu bersaing dan masyarakat Bumiputera tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada ihsan kerajaan, maka percubaan pelaksanaan sistem meritokrasi dalam bidang pendidikan, khususnya pemilihan pelajar ke universiti, dilaksanakan. Kini selepas sistem itu melangkah ke tahun pertama, timbul pula isu yang mempersoalkan bilangan pelajar Bumiputera lebih ramai dipilih memasuki IPTA. Isu yang diketengahkan kali ini ialah pemilihan berdasarkan sistem merit, dibuat secara tidak adil selepas mendapati lebih ramai pelajar Bumiputera dipilih ke IPTA berbanding kaum lain.

Isu itu dibangkitkan hingga ke platform politik seolah-olah mereka lupa pelajar kaum lain sudah pun mendapat tempat di luar negara atau di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Mereka mempunyai wang untuk menghantar anak sedangkan pelajar Bumiputera terpaksa bergantung kepada biasiswa atau setidak-tidaknya pinjaman. Tanpa bantuan kewangan, sebaik mana sekali pun keputusan kebanyakan pelajar Bumiputera tidak dapat meneruskan pelajaran mereka jika terpaksa membayar dengan harga yang mahal.

Sebaliknya, sebaik saja mendapat kelulusan cemerlang pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pelajar bukan Bumiputera, diperkuatkan pula dengan kekuatan kewangan keluarga mereka, memohon untuk memasuki institusi pengajian tinggi di luar negara. Bagi pelajar yang lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), mereka meletakkan keutamaan untuk mendapat tempat di luar negara dengan mengikuti bidang-bidang profesional atau IPTS di dalam negara. IPTA adalah pilihan terakhir mereka. Hanya pelajar Melayu terus mencari peluang untuk memasuki kolej atau diserapkan ke aliran metrikulasi. Pelajar Melayu juga memasuki pelbagai fakulti yang tidak menjadi minat kaum bukan Melayu. Berikutan persaingan bertambah kurang disebabkan pelajar bukan Melayu sudah mendapat tempat di luar negara atau IPTS, dengan sendirinya peluang pelajar Melayu untuk memasuki IPTA adalah besar. Tidak hairanlah bilangan pelajar Melayu yang memohon memasuki IPTA lebih besar disebabkan saingan mereka daripada kaum lain sudah mendapat tempat belajar yang lebih selesa di luar negara. Sebagai perbandingan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan daripada 17,000 pelajar di Amerika Syarikat, hanya 800 adalah Bumiputera. Ini tidak termasuk di negara lain seperti Kanada, United Kingdom, Australia dan sebagainya. Oleh itu, jika daripada 32,752 pelajar yang memasuki IPTA tahun ini, 22,557 atau 68.9 peratus, ia adalah angka yang munasabah. Sekiranya pelajar kaum lain tidak meneruskan pelajar ke luar negara, bilangan mereka juga pastinya akan menyaingi pelajar

Bumiputera. Kekurangan pelajar India juga mungkin disebabkan bilangan mereka yang kecil dan pencapaian mereka kurang menggalakkan. Disebabkan ini tahun pertama pelaksanaannya, tidak perlu perkara ini dijadikan isu. Sekiranya pada tahun akan datang, pelajar bukan Melayu kurang berminat untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara, saingan berasaskan merit akan berlaku. Untuk mengatakan sistem merit tidak baik buat masa ini adalah tidak tepat.

(END)